

Ahli Parlimen perlu kembali berbincang, perbaiki kelompangan akta lompat parti

Keratan Akhbar BH

Tarikh 12/7/2024

● Pemerhati politik menyifatkan keputusan Tan Sri Johari Abdul boleh menjadi 'senjata makan tuan' dan mengancam kestabilan politik sedia ada yang diasaskan selepas PRU15

● Kesan daripada keputusan itu juga membuka pintu kepada mana-mana Ahli Parlimen mempunyai 'lesen besar' untuk beralih sokongan tanpa meninggalkan parti dianggotai mereka



Oleh Dr Mohammad Tawfik Yaakub
bhrencana@bh.com.my

Keputusan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul menolak permohonan BERSATU bagi mengosongkan enam kerusi Parlimen yang sebelum ini dimenangi wakil rakyat parti itu, menggemparkan perkembangan politik negara dan mendapat reaksi berbeza daripada pelbagai pihak.

Enam Ahli Parlimen terbabit, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang), Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman (Labuan), Zahari Kechik (Jeli), Mohd Azizi Abu Naim (Gua Musang), Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar) dan Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (Tanjong Karang).

Pada 20 Jun lalu, BERSATU mengemukakan notis kepada Johari meminta supaya enam kerusi Parlimen diwakili wakil rakyatnya yang sebelum ini menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dikosongkan.

Notis itu dikemukakan berdasarkan peruntukan Perkara 49A(1)(a)(ii) Perlembagaan, iaitu seseorang ahli Dewan Rakyat hendaklah berhenti menjadi ahli dewan dan kerusinya menjadi kosong apabila tidak lagi menjadi anggota parti politik terbabit.

Walaupun enam Ahli Parlimen ini boleh menarik nafas lega kerana keputusan Speaker memihak kepada mereka, namun BERSATU dijangka mengambil tindakan susulan mengemukakan semakan kehakiman di mahkamah dalam tempoh terdekat bagi mendapatkan pengisytiharan keputusan itu adalah tidak berperlembagaan.

Malah, keputusan pengosongan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, Kelantan oleh Speaker DUN Kelantan, Nik Mohd Amar Abdullah baru-baru ini, bakal menjadi kes duluan kepada BERSATU bagi mencabar keputusan Johari di mahkamah. Ada pemerhati politik menyifatkan keputusan Johari mengekalkan kedudukan enam Ahli Parlimen terbabit sebenarnya boleh menjadi 'senjata makan tuan' dan mengancam kestabilan politik sedia ada yang diasaskan selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Keputusan beliau ini juga dilihat boleh menyebabkan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022

yang melarang Ahli Parlimen bertukar parti tidak lagi berkesan untuk mengikat Ahli Parlimen lain termasuk daripada kerajaan untuk melompat parti.

Kesan daripada keputusan ini juga membuka pintu kepada mana-mana Ahli Parlimen mempunyai 'lesen besar' untuk beralih sokongan tanpa meninggalkan parti dianggotai mereka.

Undang ketidakstabilan politik

Keadaan ini sebenarnya membuka ruang dan mengundang kepada ketidakstabilan politik yang berpotensi berlaku semula di negara ini kerana masih terdapat Ahli Parlimen, khususnya daripada Barisan Nasional (BN) yang sejak mula tidak selesa untuk bekerjasama dengan Pakatan Harapan (PH) tetapi terikat dengan akta berkenaan.

Misalnya selepas PRU15 terdapat sekurang-kurangnya 10 Ahli Parlimen BN menandatangani surat akuan bersumpah (SD) menyokong pelantikan Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ke-10, namun masing-masing menarik semula SD berkenaan selepas diarah parti.

Justeru, tidak mustahil akan ada Ahli Parlimen menggunakan kelompangan terdapat dalam akta ini dan menjadikan kes duluan enam Ahli Parlimen terbabit untuk mencatur semula politik negara dengan meneroka jajaran politik baharu dengan Perikatan Nasional (PN).

Jajaran politik baharu ini bakal mengangkat alasan momentum sokongan besar daripada keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Sungai Bakap, penyesaran semula subsidi diesel dikatakan memberi kesan kepada kehidupan rakyat dan pelbagai isu lain untuk menyokong tindakan Ahli Parlimen mengalih sokongan.

Perlembagaan tidak menghalang kedinamikan politik ini untuk berlaku namun ia sepatutnya berlandaskan kepada undang-undang dan tidak mengancam keselamatan negara bagi memastikan keharmonian masyarakat dapat dikekalkan.

Semua pihak perlu menyedari bahawa polemik dan percaturan politik ini tidak berulang kembali jika Johari pada awalnya mengosongkan enam kerusi berkenaan sekali gus membuka ruang kepada penganjuran PRK.

Enam kerusi dimenangi BERSATU pada PRU15 lalu sebenarnya tidak terkesan langsung kepada Kerajaan Perpaduan jika mereka hilang sokongan enam Ahli Parlimen terbabit kerana kerajaan masih mempunyai majoriti dua pertiga di Dewan Ra-

kyat untuk mengekalkan kedudukan sebagai kerajaan.

Namun pelbagai pihak, khususnya penganalisis politik menjangkakan UMNO adalah parti paling terkesan jika PRK diadakan di enam Parlimen berkenaan kerana sokongan orang Melayu dan segelintir ahli parti dipercayai semakin merosot kerana terikat dengan sentimen menolak calon daripada UMNO.

Keputusan PRK Sungai Bakap sebelum ini seperti mengesahkan UMNO sedang berhadapan dengan krisis kepercayaan orang Melayu dan ahlinya sendiri sehingga menyumbang kepada kemenangan calon PN dengan majoriti hampir dua kali ganda berbanding Pilihan Raya Negeri (PRN) lalu.

Peluang tepis defisit sokongan

Oleh demikian, keputusan Johari ini yang juga mengelak berlaku PRK di enam kerusi Parlimen terbabit adalah peluang terbaik kepada UMNO untuk menepis defisit sokongan dan kritikan terhadap parti itu, khususnya di kerusi mempunyai peratusan pengundi Melayu tinggi.

Secara realitinya, tidak dinafikan parti berpeluang menerajui kerajaan negeri dan Persekutuan di Malaysia sebenarnya mempunyai keupayaan untuk mengawal semua akses kuasa bagi mencapai kepentingan dan mengekalkan kedudukan politik masing-masing.

Sukar kepada mana-mana parti untuk mewujudkan satu sistem politik sempurna dan tidak condong dalam membuat keputusan memihak meskipun secara konsepnya mewajibkan mereka menghormati pengasingan kuasa antara satu sama lain.

Justeru, keputusan Speaker Dewan Rakyat mengekalkan kedudukan enam bekas Ahli Parlimen BERSATU bukan pengakhiran kepada kemelut perdebatan status kedudukan mereka tetapi sebenarnya adalah permulaan konflik perundangan dan kemelut baharu politik negara yang boleh melemahkan rakyat selepas ini.

Sudah tiba masanya semua Ahli Parlimen kembali duduk semeja untuk berbincang, memperbaiki dan meminda kelompangan wujud dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 (Akta A1663) melarang Ahli Dewan Rakyat bertukar parti. Rakyat mahukan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH